

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama
Sidang 1992/93

Oktober/November 1992

HSE 351 Sejarah Eropah Moden

Masa: [3 jam]

KERTAS PEPERIKSAAN INI MENGANDUNGI TUJUH [7] SOALAN DALAM DUA
[2] MUKA SURAT

Jawab EMPAT [4] soalan.

Semua soalan membawa nilai markah yang sama.

1. Tentang pencetusan Revolusi Perancis dan peranan ahli fikir Kesedaran, D. Thomson menulis,
"Apa yang penting pada tahun 1879 -- dan apa yang menjadikan rakyat memberontak -- ialah seluruh 'suasana revolusi' tersebut; dan untuk melahirkan suasana ini karya-karya philosophes berkenaan tidak memainkan peranan penting."
Bincangkan.
2. Napoleon di suatu tahap pemerintahannya amat hampir berjaya mewujudkan kesatuan politik di Benua Eropah. Jelaskan kenapa di dalam hal ini Napoleon gagal akhirnya.
3. Nilai keberkesanan nasionalisme berbanding dengan sosialisme di dalam menentukan arus perkembangan Revolusi-revolusi 1848 di Eropah.
4. Tentang Bismarck, Palmer dan Colton menulis, "tetapi tidak ada prinsip yang mengikatnya, baginya ideologi tidak merupakan sesuatu matlamat mutlak. Dia menjadi pengamal Realpolitik yang klasik." Bincangkan.
5. "Revolusi Rusia (Oktober, 1917) adalah revolusi besar pertama yang telah direncana dan dicetuskan secara betul-betul terancang." E.H. Carr. Berikan pendapat anda.

.../2



6. Sejauhmanakah Stalin sendiri secara pribadi dapat dipertanggungjawabkan terhadap kekerasan yang wujud pada masa pemerintahannya.

7. Menurut Bullock, Nazisme bukanlah sesuatu yang lahir secara tidak semena-mena di Jerman. Setujukan anda? Jelaskan.

-ooooOoooo-